

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

HKT 501 – Teori dan Kritikan Sastera

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan. **DUA** dari **BAHAGIAN A** dan **DUA** dari **BAHAGIAN B**.

Bahagian A

1. Bincangkan empat unsur penting dalam kritikan eko (ecocriticism). Merujuk kepada sebuah karya yang sesuai bincangkan pendekatan ini.
2. Jelaskan maksud pengalaman estetik. Merujuk kepada sebuah puisi, drama dan novel A. Samad Said, nyatakan bagaimana dua teori estetik dijalinan dalam teori *rasa*-fenomenologi untuk menjelaskan pengalaman menikmati keindahan karya sastera.
3. Bincangkan kod sastera dan kod budaya dalam novel *Naratif Ogonshoto*.

Bahagian B

4. Menerusi prosa lirik *Calon Arang: Kisah Perempuan Korban Patriarki*, Toeti Heraty berpendapat “kebudayaan dunia merupakan manifestasi penindasan lelaki terhadap perempuan”. Dengan menggunakan kaedah bacaan kritikan feminis, bincangkan pernyataan pengarang tersebut dengan sifat dan bentuk karya yang dihasilkannya.

5. Pilih SAMA ADA cerpen

[a] “Kalbu” karya Shahnnon Ahmad

ATAU

[b] “Gua, Perempuan dan Pandangan Darat” karya Anwar Ridhwan

ATAU

[c] Filem *Batu Belah Batu Bertangkup*.

Berasaskan bacaan psikoanalisis Freud, perlihatkan hubungkait di antara seksualiti manusia dengan imej-imej dalam sastera. Kemudian, bincangkan sejauhmanakah pertautan tersebut menepati kehendak dan kepuasan pengarang mahupun kepuasan membaca kepada khalayak?

6. Jelaskan konsep tafsir dan ta’wil. Berdasarkan penjelasan itu perlihatkan secara kritis fungsi kedua-dua konsep ini untuk menganalisis puisi-puisi yang pernah anda pelajari. Setelah itu, bincangkan dengan pembuktian yang kukuh setakatmanakah kaedah bacaan ini dapat menyerlahkan keharmonian makna dan pandangan hidup tauhid?